

FAQs BERKAITAN DASAR MEMBENARKAN SEORANG AHLI FARMASI MEMEGANG LEBIH DARI SATU LESEN

Permohonan Lesen Tambahan (Am)

1. Bolehkah seorang ahli farmasi residen memohon untuk memegang lesen tambahan?
Boleh.
2. Seorang ahli farmasi boleh memegang berapa lesen dalam satu masa?
Seorang ahli farmasi dibenarkan untuk memegang sehingga lima lesen dalam satu masa (1 + 4), satu lesen sebagai lantikan tetap dan 4 lesen tambahan.
3. Bolehkah seorang ahli farmasi yang memegang lesen Jenis A Runcit dan Borong atau Lesen Jenis A Borong memohon untuk memegang lesen tambahan?
Lesen tambahan hanya layak diberikan kepada ahli farmasi yang memegang **lesen runcit sahaja**. Ahli farmasi yang memegang lesen Jenis A Runcit dan Borong atau Lesen Jenis A Borong tidak dibenarkan untuk memohon lesen tambahan.
4. Bolehkah saya memohon lesen tambahan di syarikat B sedangkan lesen tetap saya di Syarikat A?
Boleh dengan surat kebenaran dari majikan di syarikat A.
5. Bolehkah saya bertindak sebagai '*free lance pharmacist*' dan memohon lebih dari satu lesen?
Tidak boleh. Lesen Jenis A tambahan hanya dikeluarkan kepada ahli farmasi lantikan tetap (residen).
6. Bolehkah saya memohon lesen di negeri yang berlainan?
Tidak boleh. Semua lesen yang dimohon mestilah dalam negeri yang sama kerana seorang pemegang lesen tidak boleh mempunyai rekod dalam dua daftar lesen yang disimpan oleh pegawai pelesenan di negeri berasingan.
7. Bolehkah saya memohon lesen tambahan di premis yang tiada ahli farmasi residen/tetap?
Tidak boleh. Lesen tambahan hanya boleh dimohon di premis yang mempunyai ahli farmasi residen.
8. Bagaimana jika pemegang lesen residen di premis dimana saya memegang lesen tambahan membatalkan lesen?
Jika ahli farmasi residen meletak jawatan, lain-lain ahli farmasi yang memegang lesen tambahan di premis tersebut perlu dibatalkan. Oleh itu pemegang lesen yang terlibat perlu mengemukakan permohonan pembatalan lesen yang berkaitan.

Garis Panduan Dan Borang

9. Adakah sebarang panduan yang boleh dirujuk bagi tujuan permohonan lesen tambahan ini?
Rujukan boleh didapati dari laman sesawang pharmacy.gov.my dengan tajuk **Panduan Umum Permohonan Lesen Racun Jenis A (runcit) Tambahan**.

10. Dimanakan borang ini boleh didapati?
Borang boleh dimuat turun dari laman sesawang pharmacy.gov.my atau di mana-mana pejabat Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri.

Cara Permohonan Lesen

11. Bagaimanakah permohonan lesen tambahan boleh dibuat?
Permohonan lesen tambahan perlu dibuat secara manual menggunakan Borang Permohonan Lesen Racun Jenis A (Tambahan).
12. Kepada siapa saya perlu menghantar borang permohonan yang telah lengkap diisi?
Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu dihantar ke pejabat Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri dimana lesen dimohon.

Internal Compliance Plan (ICP)

13. Adakah sebarang keperluan khas untuk melayakkan memohon lesen tambahan?
Ya, syarikat perlu menyediakan prosedur *Internal Compliance Plan (ICP)* dan patuh kepadanya.
14. Apakah *Internal Compliance Plan (ICP)*?
ICP adalah satu set prosedur yang perlu dipatuhi oleh syarikat bagi melayakkan ahli farmasi di syarikat tersebut memegang lebih dari satu lesen. Prosedur *ICP* perlu dilaksanakan secara dalaman dengan bertanggungjawab dan telus oleh syarikat sendiri bagi memastikan kepatuhan kepada undang-undang dan keperluan yang ditetapkan. Ia adalah merupakan pra syarat bagi syarikat yang mana ahli farmasinya ingin memohon lebih dari satu lesen.
15. Kenapa perlu *ICP*?
ICP adalah sebagai jaminan oleh syarikat kepada pegawai pelesenan bahawa syarikatnya adalah syarikat yang sentiasa patuh dan *up to date* dengan undang-undang dan arahan yang ditetapkan, mempunyai pekerja yang kompeten dan syarikat layak untuk mempunyai ahli farmasi yang memegang lebih dari satu lesen dan mampu mengendalikan racun mengikut peruntukkan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Sistem Kehadiran Biometrik atau yang setara

16. Adakah premis wajib menyediakan sistem kehadiran biometrik atau sistem lain yang setara sebelum lesen ahli farmasi tambahan di premis tersebut boleh diluluskan?
Ya, menyediakan sistem kehadiran adalah wajib bagi semua premis dimana ada ahli farmasi yang memegang lesen tambahan bertugas.
17. Bolehkah menggunakan sistem/mekanisma kehadiran selain dari sistem kehadiran biometrik?
Sistem/mekanisma lain boleh dipertimbangkan jika pegawai pelesenan berpuas hati ia adalah setara dengan sistem kehadiran biometrik.

Pemeriksaan Premis

18. Adakah pemeriksaan premis akan dijalankan terlebih dahulu?
Ya, bagi permohonan lesen tambahan baru di premis tersebut dan lain-lain keadaan apabila diperlukan.
19. Apakah persediaan yang perlu dibuat oleh syarikat sebelum pemeriksaan dijalankan?
Selain mematuhi semua keperluan perundangan sedia ada, bagi tujuan pemeriksaan untuk permohonan lesen tambahan syarikat perlu:
 - i) memastikan telah menyediakan prosedur dalaman bagi *ICP* yang merangkumi semua elemen utama yang dinyatakan dalam senarai semak *ICP*.
 - ii) menyediakan sistem kehadiran biometrik atau kaedah lain yang setara untuk merekod kehadiran ahli farmasi yang bertugas.